

Jangan alpa pertahan keharmonian kaum: PM

Sikap kesederhanaan elak rakyat terpedaya dakyah kumpulan ekstremis

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri mengingatkan masyarakat pelbagai kaum di negara ini jangan sekali-kali alpa mempertahankan keharmonian dan paduan kaum sehingga wujud ruang yang membolehkan fahaman kumpulan ekstremis berakar umbi di kalangan rakyat.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, golongan berfahaman rasional mementingkan kesederhanaan perlu memikul tanggungjawab memastikan masyarakat umum tidak terpedaya dengan dakyah ekstremis yang sering mengapi-apikan isu sensitif berhubung agama atau kaum.

"Saya memang rasa prihatin apabila ada isu berkaitan agama ditimbulkan dari semasa ke semasa dan masalah berkaitan dengannya yang perlu kita sama-sama tangani dan selesaikan. Semua ini mustahil dilaksanakan tanpa persefahaman semua pihak.

"Kalau rakyat yang memilih fahaman mengutamakan kesederhanaan ini tidak memainkan peranan mereka, maka tentu sekali yang ekstrem akan memenuhi ruang berkenaan bagi bermain dengan emosi rakyat menggunakan isu agama atau perkauman.

"Kesudahannya, kita semua akan terheret, terikut dengan fahaman ekstremisme seolah-olah pendekatan terbabit adalah selari dengan tuntutan agama atau bangsa kita walaupun pada hakikatnya ini bukan budaya kita," katanya ketika berucap pada majlis minum petang sempena sambutan Krismas, di sini kelmarin.

Majlis anjuran Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) dan Uskup Agung Kuala Lumpur, Datuk Murphy Pakiam itu diadakan di Rumah Uskup Agung, Bukit Nanas di ibu negara.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Ng Yen Yen dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi,



PERERAT HUBUNGAN: Abdullah dan isteri, Jeanne disambut Pakiam ketika menghadiri sambutan Krismas di Rumah Uskup Agung, di Kuala Lumpur, kelmarin.

Datuk Ong Tee Keat.

Mereka diraikan bersama kira-kira 200 tetamu lain, termasuk orang ramai, pelancong asing dan penghuni beberapa rumah kebajikan.

Dalam ucapannya, Abdullah turut berkata, jika fikiran rakyat terus dihipit dan diheret dengan pandangan ekstrem seumpama itu, beliau tidak menolak kemungkinan negara akan menghadapi masalah yang lebih besar pada masa depan.

Katanya, kematangan, persefahaman, tolak ansur, sikap rasional dan rasa hormat antara kaum yang menjadi teras kekuatan masyarakat majmuk negara ini amat penting bagi menangani isu itu, sekali gus membendungnya pada peringkat awal lagi.

"Hubungan harmoni di kalangan masyarakat Malaysia sentiasa memberikan inspirasi. Kita harus menepikan amalan mengetengahkan sesuatu isu secara desakan, sebaliknya kita wajar menghargai perbezaan

yang wujud sebagai satu keistimewaan," katanya.

Beliau berkata, sejarah Malaysia sebagai sebuah negara majmuk melalui jalan panjang penuh liku dan cabaran sebelum sampai ke tahap sekarang yang membolehkan rakyat merasai kenikmatan pembangunan, keamanan dan kestabilan hasil pe-

“Kita perlu ada rasa tanggungjawab yang harus dilaksanakan sebaik mungkin bagi menjamin keamanan serta keselamatan negara ini berkesinambungan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

ngorbanan semua kaum.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan rakyat harus memastikan apa yang dicapai negara dapat dikekalkan sepanjang masa supaya nikmat pembangunan, keamanan dan kestabilan negara diwarisi generasi akan datang.

Abdullah juga bangga kerana semangat muhibah yang ditunjukkan pelbagai kaum di negara ini masih menebal dan penduduk berbilang bangsa boleh duduk semeja merayakan perayaan kaum lain, sekali gus menjadi simbol persahabatan yang cukup bermakna.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa persahabatan sejak sekian lama itu harus dipastikan dapat terus kekal dan ditambah nilai.

Sementara itu, Pakiam mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana sentiasa menghormati perayaan keagamaan semua kaum dan menggalakkan keharmonian terutama pada musim perayaan.